

1.6 juta penjawat awam nikmati kenaikan gaji hingga 42.7 peratus

# Reformasi menyeluruh perkhidmatan awam

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
Maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan melaksanakan reformasi menyeluruh perkhidmatan awam yang mengutamakan produktiviti lebih tinggi bagi memastikan kesediaan dalam membawa perubahan sekali gus meningkatkan daya saing negara.

Pelaksanaan reformasi itu

berteraskan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) berkuat kuasa 1 Disember ini atas dasar keprihatinan kepada penjawat awam yang banyak berkorban demi memastikan pelaksanaan dasar kerajaan berjalan sebaiknya.

Reformasi itu menyaksikan kira-kira 1.6 juta penjawat

awams menikmati julat peningkatan pendapatan antara 16.8 peratus hingga 42.7 peratus selain perubahan rangka kerja pencen dan persaraan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, SSPA adalah satu sistem saraan yang berteraskan prestasi.

Beliau menjelaskan, mereka yang cemerlang akan dapat ganjaran dan mereka yang

gagal mempamer prestasi yang baik, akan dikenakan tindakan.

“Sebagaimana yang selalu saya tegaskan, kita tidak boleh sewenang-wenangnya memberikan layanan yang sama kepada semua terutama dalam aspek ganjaran dan pengiktirafan.

**Bersambung di muka 2**